

# PM: Negara membangun perlu bina ketahanan

BH - 9 MAR 1983

**NEW DELHI, Selasa** — Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyeru negara-negara membangun membina ketahanan masing-masing kerana itulah cara sebenar menyelesaikan masalah penindasan dan ketidakseimbangan ekonomi yang dialami sekarang.

Katanya, negara-negara membangun tidak boleh terlalu berharap kepada negara-negara maju kerana pihak Utara tidak akan mengubah sikapnya sebagai aristokrat ekonomi dunia.

"Kita tidak boleh mengharapkan dialog Utara-Selatan lagi kerana kita sedar kita tidak boleh memerah darah dari batu. Oleh itu, selagi negara-negara yang miskin eko-

nominya tidak berkemampuan bertindak balas, selagi itulah kita tidak mendapat pun pampasan dari mereka." ujarnya.

Untuk membina ketahanan ini, Datuk Seri Dr Mahathir mengajak anggota Pergerakan Negara-Negara Berkecuali memikirkan hakikat ekonomi masing-masing.

"Sekiranya kita miskin, marilah kita berhati-hati dan berjimatlah menggunakan kekuatan dan sumber yang kita ada supaya keperluan tidak melebihi kemampuan kita.

"Sekiranya kita lemah, marilah kita bersatu dalam kumpulan wilayah

atau kumpulan dunia antarabangsa, membantu dan berdagang antara satu sama lain setakat termampu. Dan sekiranya kita kurang kepakaran, marilah kita memperolchinya dari mana-mana sumber yang ada."

Demikian antara pendapat yang dikemukakan oleh Perdana Menteri dalam ucapan sulungnya di sidang kemuncak Pergerakan Negara-Negara Berkecuali di sini hari ini.

Pandangan Perdana Menteri ini sejajar dengan harapan Malaysia mewujudkan persatuan negara-negara pengeluar barangan utama untuk menjamin kea-

dilan dan keseimbangan harga.

Cadangan ini dikemukakan oleh Malaysia sebagai pindaan kepada Draf Perisytiharan Ekonomi India yang kini dibincangkan oleh Jawatankuasa Ekonomi.

Menurut Perdana Menteri, proses membina ketahanan ini memang lambat dan menyulitkan. Bagaimanapun, katanya, inilah langkah yang betul daripada mengharapkan bantuan negara-negara Utara.

Schubungan ini, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menerangkan, Malaysia sudah pun mengorak langkah ke arah itu dengan hidup berjimat-cermat sejajar dengan kemampuan sendiri.

"Kami ingin hidup sejajar dengan kemampuan kami. Kami bekerjasama dengan jiran. Malah kami pergi ke Pasifik Selatan dan Afrika bagi mencari kerjasama Selatan-Selatan yang le-

bih bermakna. Apa yang kami ada dan tahu, walaupun sedikit, kami akan sumbangkan kepada sesiapa yang perlu setakat termampu.

"Harapan kami ialah negara-negara lain juga mengamalkan sikap ini supaya kita bukan saja akan terus hidup, tetapi dengan kehendak Tuhan, satu hari nanti kita akan bebas dari penindasan teknologi dan ekonomi negara-negara Utara yang tidak berperasaan," tegasnya.

Perdana Menteri juga mengecam negara-negara maju kerana tidak bersedia menyelesaikan kemelesetan ekonomi dunia kerana katanya, "Kemelesetan ekonomi sekarang adalah ciptaan manusia yang diadun oleh beberapa negara perindustrian."

Kerana itulah, tambah beliau, negara-negara membangun hari ini berhadapan dengan kadar faedah yang tinggi, kemelesetan yang semakin berkembang, peningkatan pengangguran, dasar kawalan dagangan yang ketat, kejatuhan harga barangan dan pengaliran kewangan yang sempit.

"Putar-belit harga barangan melalui sistem pasaran yang ketinggalan zaman, penjualan dari stok penimbal dengan mengeneipkan Persetujuan Am Mengenai Tarif dan Perdagangan (GATT) dan keengganan melaksanakan etika perkapalan adalah dibuat oleh manusia sendiri."